

CERAMAH INTEGRITI
“BUDAYA KERJA BERINTEGRITI, CEMERLANG ORGANISASI”
27 FEBRUARI 2026 (JUMAAT) / 9.00 PAGI - 11.00 PAGI
DEWAN SERI BOUGAINVILLEA, MPAG

Pada 27 Februari 2026 (Jumaat) telah berlangsungnya Ceramah Integriti bertajuk “Budaya Kerja Berintegriti, Cemerlang Organisasi” bertempat di Dewan Seri Bougainvillea, MPAG oleh Ustaz Harryanto Rizal bin Haji Rokman yang melibatkan penyertaan pegawai dan kakitangan seramai 240 orang. Program ini dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran dan penghayatan warga kerja terhadap kepentingan amalan integriti dalam melaksanakan tugas seharian berlandaskan nilai-nilai Islam.

Ceramah ini memberi penekanan bahawa budaya kerja berintegriti merupakan elemen penting dalam pembentukan organisasi yang cemerlang, amanah dan dihormati. Penceramah turut menghuraikan bahawa Islam amat menitikberatkan sifat amanah, jujur, bertanggungjawab, ikhlas dan berdisiplin dalam setiap urusan pekerjaan serta menegaskan bahawa setiap amanah yang dipikul akan dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan.

Selain itu, peserta turut didedahkan mengenai kepentingan menjauhi amalan negatif seperti rasuah, salah guna kuasa, pecah amanah dan penyelewengan yang bukan sahaja melanggar peraturan organisasi malah bertentangan dengan ajaran Islam. Ceramah turut menekankan bahawa penghayatan nilai-nilai murni dan akhlak yang baik dalam pekerjaan mampu mewujudkan suasana kerja yang harmoni, telus dan produktif.

Penceramah juga menekankan bahawa pembentukan sahsiah dan akhlak yang baik dalam kalangan warga kerja merupakan asas utama dalam mewujudkan suasana kerja yang harmoni, produktif dan beretika. Penghayatan terhadap konsep integriti menurut perspektif Islam diyakini mampu memperkukuhkan tadbir urus organisasi serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap penyampaian perkhidmatan.

Semoga dengan pelaksanaan program ini dapat memperkukuhkan budaya integriti dan nilai-nilai Islam dalam kalangan warga kerja. Diharapkan ceramah seumpama ini dapat diteruskan secara berkala bagi melahirkan warga organisasi yang amanah, beretika dan cemerlang dalam melaksanakan tugas selaras dengan tuntutan agama dan aspirasi organisasi.



